

# Jualan kereta susut

MAA jangka jualan turun 16.5% kesan penstrukturan subsidi minyak

>>Oleh Noor Azam Abd Aziz

azam@hmetro.com.my

**P**ERSATUAN Automotif Malaysia (MAA) menjangkakan jumlah jualan keseluruhan kenderaan baru tempatan akan menurun 16.5 peratus atau 45,874 unit bagi separuh tahun kedua 2008 berikutan kesan penstrukturan semula harga minyak serta kadar faedah bank yang tinggi.

Presidennya, Datuk Aishah Ahmad berkata jumlah kenderaan komersial iaitu penurunan 28 peratus diikuti 0.5 peratus kenderaan



**AISHAH...kadar faedah bank tinggi**

penumpang.

Beliau berkata selain dua faktor berkenaan kejatuhan

turut disebabkan masalah inflasi, kenaikan kos bahan mentah serta kadar faedah sewa beli tinggi terutama kenderaan bukan nasional.

"Sepanjang enam bulan pertama 2008, jumlah jualan kenderaan baru menunjukkan peningkatan 25.9 peratus kepada 277,973 unit berbanding 220,739 tempoh sama 2007," katanya, ketika mengadakan sidang akhbar di Kuala Lumpur, semalam.

Menurutnya, jumlah jualan kenderaan penumpang mencatatkan jualan 254,252 unit dalam tempoh enam bulan tahun ini dengan menguasai

91.5 peratus pasaran jualan kenderaan.

"Jumlah ini lebih tinggi berbanding 91 peratus yang dicapai pada tempoh sama 2007 apabila 220,739 unit didaftarkan," katanya.

Beliau berkata dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini 23,721 unit kenderaan komersial dijual iaitu 8.5 peratus daripada jumlah jualan kenderaan baru tahun ini.

"Jumlah berkenaan adalah rendah berbanding sembilan peratus yang dicapai pada tempoh sama pada 2007 dengan jumlah jualan 20,287 unit," katanya.

